

Newspaper	HARAKAH
Date	25 APRIL 2016

Adel Al-Jubeir tidak mengaku RM2.6 bilion ke akaun peribadi Najib

Oleh NYZA AYOB

KUALA LUMPUR: Menteri Luar Arab Saudi, Adel Al-Jubeir, tidak pernah mengaku bahawa RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak adalah sumbangan, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (**gambar**).

Menurut beliau, berdasarkan rakaman video soal jawab dengan wartawan Malaysia, Al-Jubeir juga tidak menarik balik

kenyataannya sebelum ini kepada *New York Times*.

Beliau berkata, penyokong Najib gagal mengambil perhatian kepada persoalan sebenar yang dikemukakan

adakah Al-Jubeir menyedari latar belakang dan butiran terperinci mengenai derma itu.

Katanya, Menteri Luar Arab Saudi itu menjawab beliau mengetahui mengenai derma itu dan ia adalah derma ikhlas tanpa meng-



harap sebarang balasan.

"Dan beliau 'sedar bahawa Peguam Negara Malaysia telah menyiasat dengan teliti perkara itu dan mendapati tiada

salah laku dan (bagi dia) perkara itu ditutup'. Menyedari kenyataan Peguam Negara tidak semestinya bermakna beliau bersetuju dengan kenyataan itu," katanya dalam tulisan di dalam blognya, *chedet.cc*, 18 April lalu.

Katanya lagi, dalam video itu, Menteri Luar Arab Saudi itu tidak menarik balik kenyataannya sebelum ini, ianya satu pelaburan atau mengesahkan bahawa USD681 juta adalah satu derma.

Tambahnya, beliau juga tidak mengatakan bahawa kini beliau telah menemui bukti-bukti baru bahawa ianya adalah derma dan apa yang beliau katakan adalah bahawa beliau sedar

ketika ditanya sama ada beliau sedar.

Malah katanya, beliau tidak meminta maaf atau menafikan kenyataan beliau sebelum ini yang dibuat dua bulan lebih awal kepada *New York Times*.

Katanya, hanya media Malaysia sahaja yang menafsirkan kesedaran beliau sebagai penafian kenyataan beliau sebelum ini.

Beliau berkata, di Malaysia dan juga di ke-

banyakan negara dunia ramai mengetahui kenyataan-kenyataan Peguam Negara dan jika ditanya sama ada mereka percaya kebanyakan kenyataan Peguam Negara bahawa 2.6 bilion Ringgit adalah derma yang Perdana Menteri boleh gunakan sesuka hati dan Najib tidak melakukan sebarang kesalahan, jawapan mereka adalah "Tidak, mereka tidak percaya."

Harakah - 25/4/2016